

10/07/2000

Menjana generasi muda lebih berkualiti

Burhanuddin Abdul Jalal

BELIA adalah antara kelompok masyarakat terbesar yang bakal menjadi tumpuan dan harapan bangsa serta negara pada masa depan. Apatah lagi, dalam era globalisasi masa kini, generasi muda perlu melihat dan mengambil manfaat dengan sebaik-baiknya.

Globalisasi tidak sepenuhnya mendatangkan manfaat kepada kehidupan umat manusia, termasuk generasi muda. Pelbagai kemudaratan mungkin ada dalam era globalisasi ini apabila dibiarkan menguasai kehidupan. Ia perlu ditapis, disaring dan diamati secara halus serta berhemah bagi memilih mana-mana yang membawa manfaat, mudarat atau muslahat dalam kehidupan.

Penapisan atau penyaringan perlu bagi generasi muda kerana jiwa mereka mudah terpengaruh dengan perkara yang menarik bagi mereka.

Dalam perhimpunan sempena Sambutan Hari Belia Peringkat Kebangsaan yang bertemakan 'Bersama Menghadapi Cabaran Alaf Baru' di Pahang, 15 Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan generasi belia mengenai perlunya mempunyai idealisme tinggi dalam hidup supaya negara mampu mencapai kemajuan yang pesat pada masa depan.

Perdana Menteri juga menyarankan supaya idealisme disertakan dengan pelbagai ilmu dan diterapkan dengan budaya murni yang sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara.

Dalam memasuki era globalisasi ini, satu aspek yang pasti ialah munculnya persaingan di antara bangsa-bangsa di dunia. Persaingan global akan menjadikan sesuatu bangsa itu berusaha untuk meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia dan kualiti bagi memastikan ia tidak ketinggalan dengan bangsa lain.

Dalam persaingan ini, golongan yang menjadi sasaran ialah generasi muda. Mereka begitu penting bagi sesebuah negara atau bangsa demi memastikan generasi itu mampu mengharungi cabaran globalisasi yang sedang melanda dunia.

Generasi muda ialah mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun seperti yang ditulis oleh Hussain Ahmad (1982) dalam bukunya, *Belia dan Pertubuhan*. Menurutnya, generasi muda pada 1980 berjumlah 58 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Pada 1983, ia naik satu peratus menjadi 59 peratus dan kemungkinan mencapai sehingga 63 peratus pada 2000. Ini menunjukkan generasi muda adalah penduduk dominan di Malaysia hinggakan pelbagai masalah sosial turut didominasi golongan muda (Yusof Hussein, 1982).

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, dalam ucapannya pada sambutan itu turut menyatakan kini ada 9.8 juta belia di seluruh negara, iaitu mewakili 43 peratus keseluruhan penduduk negara.

Generasi muda secara fitrahnya mempunyai ciri hidup penuh idealistik dan mempunyai kerenah atau masalah tersendiri. Dinamika generasi muda atau belia dikenali dengan pelbagai aspek aktiviti dan kreativiti, terutama yang berkaitan dengan sukan, kebudayaan, agama dan ilmu dunia pendidikan.

Masalah yang dihadapi generasi muda biasanya berkait rapat dengan kenakalan remaja, penagihan dadah, samseng, salah laku seksual dan aktiviti negatif lain. Ciri generasi muda mendorong munculnya idealisme dan masalah yang tersendiri. Ciri yang ada pada golongan belia atau generasi muda itu pada asasnya berpunca daripada sikap mereka pada zaman awal remaja dan kanak-kanak, dan terus berkembang.

Selain itu, sifat atau ciri lain yang ada pada golongan belia ialah:

\* Sifat atau kecenderungan ingin tahu mengenai diri atau alam

sekeliling. Dengan sifat ini, manusia akan belajar dan berusaha untuk mengetahui pelbagai perkara di sekelilingnya. Manusia yang dianugerahkan Allah kelebihan akal fikiran sentiasa berusaha untuk mengetahui dan mencuba yang baru. Begitu juga dengan golongan belia atau generasi muda yang sentiasa ingin mengetahui apa yang ada di sekeliling.

\* Ingin mencuba bagi memuaskan sifat ingin tahu. Bagi golongan belia, mereka pasti ingin mencuba bagi memuaskan hati mereka dan aspek ini perlu diperhatikan bagi segala cubaan itu dapat disalurkan kepada sesuatu yang wajar.

\* Ingin melakukan. Perasaan ini timbul kerana pengaruh daripada apa yang mereka lihat di sekeliling mereka, sama ada yang baik atau sebaliknya. Apabila mereka melihat sesuatu yang ditunjukkan dalam filem, mereka ingin melakukannya atas desakan bagi memenuhi dua aspek, iaitu ingin mencuba dan ingin tahu.

Ciri generasi muda yang disebutkan di atas, dapat memberikan panduan dan motivasi bagi mereka untuk lebih maju, khususnya menghadapi cabaran masa depan yang lebih gemilang.

Sifat ingin tahu, ingin mencuba dan ingin melakukan akan lebih berguna jika ia dimanfaatkan di kalangan generasi muda untuk mengembangkan potensi, bakat, kemampuan, ketrampilan, kecerdasan, wawasan, keyakinan, kualiti diri dan ilmu.

Ternyata kesan globalisasi semakin telus dan terserlah dengan wujudnya kecenderungan yang membawa manusia kepada nilai yang menyimpang dan bertentangan dengan agama, moral dan akhlak.

Oleh itu, generasi muda paling kuat menerima kesan globalisasi ini. Jika sifat ingin tahu, ingin mencuba dan ingin melakukan diterapkan dalam usaha untuk mendapat nilai positif daripada globalisasi, sudah tentu ia akan memberi manfaat terhadap kemajuan dan masa depan negara.

Globalisasi mewujudkan persaingan global dan bangsa Malaysia tidak terkecuali menghadapinya. Apa yang ketara ialah persaingan menjadi semakin sengit dan ini akan menyebabkan keperluan terhadap ketinggian ilmu dan teknologi kepakaran. Oleh itu, persaingan global akan memberi manfaat yang tidak sedikit bagi kemajuan dan masa depan semua bangsa di dunia.

Perlu diakui persaingan dapat mewujudkan satu bentuk kerjasama di antara bangsa-bangsa di dunia, jika persaingan dilakukan secara adil. Antara bangsa yang maju dewasa ini ialah dari Barat yang menguasai ilmu komunikasi dan teknologi maklumat. Oleh itu, Malaysia perlu bersedia untuk turut bersaing dan menghadapi arus globalisasi itu.

Dalam menyelami isu globalisasi ini, Dr Mahathir ketika berucap pada Sidang Kemuncak Selatan Kumpulan 77 di Havana, 12 April lalu, menyarankan agar globalisasi ditafsir semula.

Dalam hal ini beliau menyatakan: "Globalisasi yang mula menampakkan kecenderungannya menjadi satu bentuk agama, perlu ditafsir semula dengan mengambil kesannya kepada dunia. Tafsiran globalisasi hendaklah diubah suai sehingga ia benar-benar mencapai matlamat yang diasaskan."

Dr Mahathir juga berkata, globalisasi seharusnya menekan kepada soal kesan dan bukannya kaedah.

"Globalisasi, jika ditafsirkan dengan betul dan mengikut peraturan, boleh membawa kepada kerjasama dan kebaikan kepada dunia, semua golongan kaya atau miskin, dan yang penting ialah members fokus kepada hasilnya, bukan dogma, dan adalah satu kesilapan mengetepikan pandangan golongan lemah."

Persaingan global akan terus menjadi amat ketara apabila dunia memasuki era perdagangan bebas yang dipelopori Pertubuhan Perdagangan Dunia dan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2003.

Bagi generasi muda, dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi persaingan itu, sudah tentu ia tidak mungkin dapat dihadapi dengan sikap pesimis,

gusar dan lemah semangat tetapi perlu sikap yang proaktif, optimis dan kritis sehingga dapat menjadikan diri masing-masing bermotivasi untuk terus maju.

Generasi muda pada umumnya mempunyai masa depan cerah dan yang penting mereka perlu mempersiapkan diri untuk terus mampu bersaing pada masa depan. Oleh itu, kekuatan rohani juga aspek yang penting dalam penyediaan diri generasi muda yang berkualiti ini.